

Sinar Harian

16 Disember 2024, Isnin

Catatan: Pertemuan Sulung Dengan Daim

A Kadir Jasin

Ini cerita tahun 1982. Seorang rakan sekerja di akhbar ekonomi, Business Times bertanya adakah saya kenal Daim Zainuddin.

Saya kata, pernah dengar nama itu tapi tidak kenal. Ternampak pun tidak apatah lagi berjumpa.

Menurut sahabat itu, cerita yang berligar di pasaran adalah, mana-mana eksekutif atau usahawan Bumiputera yang kenal beliau "has his (her) future made". Maksudnya, kenal Daim masa depan terjamin.

Saya mula dengar nama Daim apabila Almarhum dilantik ke Bank Rakyat.

Ada keratan akhbar mengatakan pada tahun 1980 beliau dilantik sebagai pengurus bank kerjasama itu. Saya kurang pasti ketepatannya. Boleh jadi ke salah sebuah anak syarikat bank itu.

Saya terima maklumat rakan sekerja saya itu sebagai berasas kerana sebelum masuk menjadi wartawan kewangan, dia bekerja dengan Bank Negara Malaysia.

Saya beritahu pengarang saya, Kevin Rafferty, seorang warganegara British, yang saya bercadang mencuba untuk menemuramah "Mr Daim Zainuddin".

Beliau hampir-hampir melompat kegembiraan dan berkata, kalau saya berjaya, cerita itu akan menjadi "coup" kepada Business Times. Jelas yang beliau sudah dengar mengenai orang misteri bernama "Mr Daim" itu.

Waktu itu wartawan masih menulis surat untuk meminta temuramah. Lebih-lebih lagi kalau orang yang hendak ditemuramah itu tidak mengenali kita. Saya pun utus sepucuk surat dalam bahasa Inggeris kepada beliau.

Tidak lama selepas itu, setiausaha beliau, yang kemudiannya saya kenali sebagai Doris Yap membalias mengatakan Encik Daim bersetuju berjumpa saya.

Pada waktu itu saya tidak sedar ada makna tersembunyi dalam perkataan "berjumpa" itu.

Pada hari yang dijanjikan, sebelah petang, saya pun pergi ke pejabat beliau di bangunan HSBC di Lebuh Ampang.

Saya dihidangkan teh o. Tiba-tiba saya ternampak kelibat seorang yang saya kenal. Beliau bekas akauntan New Straits Times Press (Malaysia) Berhad. Kemudian seorang lagi. Dan seterusnya. Mereka adalah eksekutif muda Melayu yang sama-sama bekerja dengan saya di New Straits Times Press (NSTP) dan Fleet Group Sdn Bhd. Fleet adalah syarikat induk NSTP.

Hati saya berkata, ini modal tambahan untuk temuramah dengan Encik Daim.

Belum habis minum teh, seorang bersosok kecil memakai baju batik lusuh, berseluar corduroy dan bercapal keluar dari bilik Encik Daim. Saya andaikan itu bilik beliau kerana meja Cik Doris terletak di luarnya.

Sekali lagi hati saya berbisik: "Wah, luar biasa Encik Daim ini. Pembantu pejabat pun orang yang sudah berumur."

Alangkah malunya saya kerana andaian itu songsang. Malah saya turut berasa bersalah apabila orang yang saya sangka pembantu pejabat itu adalah Encik Daim.

Beliau mempersilakan saya duduk. Saya ucap terima kasih dan memperkenalkan diri. Oleh sebab saya menulis untuk akhbar berbahasa Inggeris maka temuramah itu dibuat dalam bahasa Inggeris.

Saya hidupkan perakam suara. Dengan serta-merta Encik Daim berkata: "If you switch on the tape recorder, I'll not talk to you." (Kalau kamu hidupkan perakam suara, saya tidak akan bercakap kepada kamu.)

Saya tutup perakam suara dan beliau sambung percakapan. Saya pun tulis di dalam buku nota pemberita. Sekali lagi beliau berhenti bercakap. "If you write it down, I will not talk to you." (Kalau kamu tulis, saya tidak akan bercakap kepada kamu).

Saya tutup buku nota, masukkan pen ke dalam poket dan hidupkan "memory bank" dalam kepala saya.

Kami mula berbual dan bukan lagi bertemuramah. Sesi itu berlangsung hampir satu jam. Apa yang beliau ceritakan adalah cerita besar - "big story" dalam istilah kewartawanan.

Pada waktu itu saya berumur 34 tahun dan beliau, 45 tahun. Itu pun saya terpaksa pasang telinga kerana beliau bercakap dalam nada sangat rendah.

Pengarang saya hampir jatuh kerusi apabila saya kata yang saya berjaya menemuramah Encik Daim tetapi tidak ada "story" kerana beliau tidak membenarkan penyiarannya.

Saya pun duduk di meja saya, buka komputer Atex dan hidupkan "bank ingatan" otak saya. Untuk mengukuhkan cerita, saya mencari dan bertanya kepada beberapa orang yang kenal beliau untuk mengukuhkan laporan.

Beberapa hari kemudian, saya pergi ke pejabat Encik Daim dan serahkan cerita yang saya tulis bersama-sama nota berbunyi, lebih kurang: "Encik Daim, kalau dibenarkan inilah cerita yang akan saya siarkan hasil perbualan kita tempoh hari."

Saya tidak menaruh sedikit pun harapan yang beliau akan bersetuju kerana beliau cukup tegas dengan arahan jangan tulis itu.

Tiba-tiba, beberapa hari kemudian, saya terima panggilan daripada Cik Doris mengatakan Encik Daim menjemput saya ke rumah beliau di Jalan Ritchie, Ampang, selepas Maghrib.

Saya tiba seperti diarahkan. Encik Daim baru hendak mula makan malam.

"Dah makan?" tanya beliau kepada saya.

"Belum," saya menjawab ikhlas.

"Mari makan dengan saya," katanya.

Sekali lagi saya terkejut. Hidangan orang kaya ini sangat "simple". Yang saya nampak menjadi kegemaran beliau adalah paru goreng.

Sambil makan, beliau mengambil apa yang nampak seperti "printout" cerita yang saya hantar kepada beliau.

"I have read it and made some corrections," katanya. (Saya sudah baca dan buat beberapa pembetulan).

"Thank you Encik Daim. So I can publish it? (Terima kasih Encik Daim. Jadi bolehlah saya siarkan)," tanya saya.

"Up to you. (Terpulanglah kepada kamu)," jawab beliau selamba.

Rencana itu keluar dalam Business Times pada 8 Jun 1982 dan diulang siar oleh New Straits Times dan diterjemah oleh Berita Harian.

Sejak itu bermulalah koloberasi dan persahabatan saya dengan Almarhum sehingga ke hujung hayatnya pada 12 November 2024.

Sekian.